



Perutusan KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Bandar akan sentiasa mengalami evolusi dan berhadapan cabaran-cabaran baru selaras dengan peningkatan penduduk dan permintaan terhadap perkhidmatan perbandaran yang dinamik. Dalam banyak keadaan, bandar-bandar lama terutamanya tidak berupaya menampung perubahan disebabkan keterbatasan ruang. Penjana semula bandar atau *urban regeneration* adalah pembaharuan yang optimis untuk melakukan perubahan mampan dari aspek fungsi, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Penjana semula bandar membolehkan kita mendepani cabaran-cabaran perbandaran dengan menghidupkan ruang-ruang bandar yang lesu, terbiar atau tidak digunakan sepenuhnya. Fokus penjana semula bandar adalah untuk melakukan transformasi ruang dengan menambahkan infrastruktur dan kemudahan agar dapat memberikan impak yang positif kepada sosioekonomi dan sosiobudaya komuniti bandar.

Merancang dan membangunkan landskap perbandaran yang mempunyai karakter landskap yang tersendiri, harmoni dan

mampan berasaskan sumber semulajadi dan sosiobudaya tempatan adalah pelengkap kepada penjana semula bandar. Pembangunan landskap perbandaran akan mengupayakan ruang kosong, sempit dan terbiar menjadi saluran ruang hijau yang berfungsi, aktif dan selamat. Selain itu, pembangunan taman-taman awam yang sistematik dan strategik akan mewujudkan rangkaian kawasan hijau yang lebih luas dan selesa untuk komuniti bandar melakukan aktiviti gaya hidup sihat seperti rekreasi, riadah, sukan dan interaksi sosial secara terancang. Sehubungan dengan itu, keutamaan Jabatan Landskap Negara adalah kepada program-program perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif untuk mengukuhkan identiti bandar disamping membentuk ikon dan imej baru yang akan merancakkan aktiviti ekonomi dan sosial kawasan perbandaran.

Selaras dengan Teras 2 Dasar Landskap Negara iaitu memantap dan mempertingkatkan kualiti landskap bagi mencapai matlamat Negara Taman Terindah, Program Landskap Perbandaran mula dilaksanakan pada pertengahan RMK-10. Sehingga kini sebanyak 6 projek landskap perbandaran sedang dilaksanakan pada pelbagai peringkat pelaksanaan. Pada masa yang sama pembinaan taman awam sebagai program teras Jabatan terus diperkasakan. Dalam tempoh 20 tahun yang lalu sebanyak 50 buah taman awam telah siap dibina manakala sekurang-kurangnya 13 buah taman awam lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di bandar-bandar utama seluruh negara. Sesungguhnya program dan aktiviti Jabatan yang terus dilaksanakan bermatlamat untuk menyediakan akses kepada kemudahan rekreasi awam bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Editorial BULETIN LANDSKAP NEGARA

PENASIHAT	Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad
KETUA EDITOR	Meor Saadon Sofian bin Mior Razali
EDITOR	Mansor bin Mohamad
SIDANG PENGARANG	Nor Arfah binti Mohd Ishak Md. Zaimi bin Zainudin Saharudin bin Abu Rohan Intan Syafinaz binti Lazim Mohd Nasir bin Mohamed Mohd Norsobirin bin Jamsari Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Norjuridah binti Kasmuri Vickson E. Tabak Mohd Izammudin bin Amran Nurashikin binti Sharif Yazid bin Abu Kasim
URUS SETIA	Kamarul ariffin bin Ab. Rahim Hanizan binti Kamil Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama adasecara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik terlebih dahulu. Hak cipta Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN

	Fokus	03
	Program Teras JLN	05
	Perspektif	07
	Bicara Inspirasi	14
	Bingkisan PBT	18
	Industri Landskap	19
	Peristiwa dan Aktiviti	20
	Seranta @ JLN	29